Praktis Topikal 2

Bahagian A Soalan Objektif

Jawab **semua** *soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling* **tepat.**

2.1 Sistem Pemerintahan

1 Sistem pemerintahan beraja kerajaan Alam Melayu terbahagi kepada m/s 26
- **A** daerah dan negeri
- **B** pusat dan wilayah
- **C** negeri dan wilayah
- **D** perbandaran dan kampung

2

> Raja-raja Funan menggunakan gelaran Kurung Bnam.

Apakah yang dimaksudkan dengan gelaran tersebut? m/s 26
- **A** Raja bukit
- **B** Raja gunung
- **C** Raja autokratik
- **D** Raja berkuasa mutlak

3 Mengapakah raja-raja Angkor menggunakan gelaran Dewaraja? m/s 27
- **A** Raja sebagai dewa
- **B** Berkuasa dalam pentadbiran
- **C** Raja sebagai lambang keagungan
- **D** Berkuasa dalam membuat keputusan

4 Antara berikut, yang manakah merupakan gelaran bagi raja-raja Majapahit? m/s 27
- I Maharaja
- II Sri Bathara
- III Rajadhiraja
- IV Bodhisattva

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

5. Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu. m/s 27

> Pemerintahan teratur dengan susunan raja di puncak.

Untuk membangunkan kerajaan, raja dibantu oleh
- **A** pembesar di istana
- **B** pembesar tempatan
- **C** pembantu peribadi raja
- **D** pembesar pusat dan wilayah

2.2 Kegiatan Ekonomi

6 Antara berikut, yang manakah kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu? m/s 28
- I Mengutip hasil hutan
- II Meneroka tanah
- III Menyumpit
- IV Pembuatan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Apakah tujuan *baray* dibina oleh kerajaan Angkor dalam memajukan bidang pertanian? m/s 28
- **A** Menyimpan air
- **B** Menyuburkan tanah
- **C** Mengairi kawasan tanaman
- **D** Mempercepatkan percambahan padi

8 Antara berikut, yang manakah merupakan makanan ruji penduduk Alam Melayu? m/s 29
- **A** Nasi
- **B** Pulut
- **C** Lempeng
- **D** Kuih kacang

9 Apakah faktor yang mendorong kerajaan Alam Melayu berkembang maju dalam bidang perdagangan? m/s 30
- **A** Layanan baik penduduk tempatan
- **B** Cukai yang rendah kepada pedagang
- **C** Kemudahan tempat tinggal yang selesa
- **D** Terletak di tengah-tengah laluan perdagangan

10 Antara berikut, yang manakah merupakan barang dagangan kerajaan Majapahit? m/s 30
- I Mutiara
- II Kulit penyu
- III Kapur barus
- IV Gading gajah

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

LIVEWORKSHEETS

11 Kepesatan perdagangan kerajaan Alam Melayu turut membantu dalam memajukan pelabuhan. Kemajuan tersebut dalam bidang m/s 31
A ilmu pelayaran
B membuat kapal
C pertukaran barang
D meneroka bidang kelautan

12 Gambar berikut merupakan hasil laut yang terdapat di Alam Melayu. m/s 32

Bagaimanakah untuk mengkomersialkan hasil laut tersebut?
A Kajian perubatan
B Kajian penciptaan
C Promosi di luar negara
D Penerokaan hasil laut yang lain

13 Apakah kegunaan kapur barus yang diperoleh di kerajaan Alam Melayu? m/s 32
A Bahan pewangi
B Bahan makanan
C Bahan perubatan
D Barang kraf tangan

14 Mengapakah masyarakat Alam Melayu mengusahakan hasil hutan dan laut? m/s 32
A Untuk kegunaan harian
B Memenuhi sektor perkilangan
C Untuk memenuhi keperluan tempatan
D Mendapat sambutan daripada pedagang

15 Gambar berikut menunjukkan barang perhiasan emas yang dihasilkan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Masyarakat kerajaan manakah menghasilkan barang perhiasan tersebut?
I Funan
II Angkor
III Champa
IV Srivijaya
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 Antara berikut, yang manakah barangan harian dan mewah yang dibuat oleh kerajaan Alam Melayu? m/s 33
I Kraf tangan
II Cuka kelapa
III Perhiasan emas
IV Tikar mengkuang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17

> Kerajaan yang menjalankan aktiviti perlombongan bijih besi di Pergunungan Phnom Dek.

Kerajaan tersebut ialah m/s 33
A Funan
B Angkor
C Champa
D Srivijaya

18 Maklumat berikut berkaitan dengan kegiatan pembuatan kerajaan Alam Melayu.

Kerajaan	Hasil pembuatan
Champa	Cuka kelapa
Majapahit	Garam

Apakah iktibar yang diperoleh daripada kegiatan pembuatan tersebut? m/s 33
A Mengisi masa lapang
B Bijak mengambil peluang
C Memanfaatkan sumber alam
D Bijak dalam menguruskan masa

19 Apakah nilai yang diperoleh hasil usaha masyarakat Alam Melayu untuk meningkatkan kemajuan ekonominya? m/s 33
A Menghargai alam sekitar
B Kreatif dalam penciptaan
C Tabah menghadapi cabaran
D Bertoleransi dalam kehidupan

LIVEWORKSHEETS